

07 SEP 1997

Umno-Gulung (Dr Abdul Hamid)

KERAJAAN LAKSANAKAN ISLAM CARA SEDERHANA SEJAK MERDEKA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata pendekatan pelaksanaan Islam di negara ini ialah melalui pendidikan dan bukan dengan menggunakan kuasa undang-undang atau paksaan.

Sejak merdeka kerajaan menetapkan Islam sebagai agama rasmi dan melaksanakannya secara sederhana serta beransur-ansur dalam suasana yang harmonis, katanya.

Pendekatan secara sederhana itu yang membuatkan Malaysia berjaya sekarang dengan setiap langkah yang dilakukannya secara bersungguh-sungguh, katanya semasa menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Abdul Hamid semasa menjawab hujah-hujah yang dibangkitkan mengenai mufti oleh para perwakilan semasa perbahasan, berkata mufti sangat diperlukan di negara ini kerana selain menentukan hukum agama dalam soal kehidupan biasa, mufti-mufti turut membantu dalam bidang politik khususnya Umno dan kerajaan.

Misalnya mereka menolak fatwa kafir-mengkafir dan meredakan ketegangan yang pada suatu masa dulu berlaku antara orang Islam yang berlainan ideologi politik.

"Yang kemuncak sekali ialah peristiwa Memali, parti pembangkang telah menyebarkan bahawa mereka (yang terbunuh dalam peristiwa itu) mati syahid.

"Apabila dibincangkan...ini boleh menimbulkan kekacauan di negara ini kerana mati bertempur dengan askar dan polis kerajaan dianggap mati syahid. Mufti-mufti berkumpul dan membuat keputusan bahawa ia bukan mati syahid dan mereka yang terbabit ialah penderhaka, maka lenyaplah peristiwa mati syahid ini dalam negara," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata mufti dan alim ulama telah begitu lama menyumbangkan peranan terutama selepas negara mencapai kemerdekaan kerana mereka dapat menghilangkan kegelisahan di kalangan masyarakat tentang dasar-dasar kerajaan.

Beliau menjelaskan bahawa isu yang heboh baru-baru ini antara para mufti dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebenarnya masalah penguatkuasaan pentadbiran hukum dan jabatan agama oleh para pentadbirnya.

Katanya dengan lulusnya undang-undang di Parlimen Julai lepas yang membenarkan kerajaan persekutuan mengadakan jawatan-jawatan gunasama dalam pentadbiran Islam dan Mahkamah Syariah, akan membolehkan semua Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama negeri-negeri dicantumkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dr Abdul Hamid juga menegaskan bahawa Umno adalah diasaskan dengan kekuatan Islam dan bersama pentadbiran agama yang ada, ia akan terus bersatu menangani masalah sosial dan krisis masyarakat.

-- BERNAMA

HT AFY RON